

**AMALAN PENYELIAAN PENGAJARAN TERHADAP GURU-GURU SAINS  
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH MUAR JOHOR.**

RADI BIN YAHAYA

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2007

Kepada Bonda, Ayahanda, Isteri dan Anak-Anak tersayang

Nur Aimi binti Radi

Mohammad Badri bin Radi

Ahmad Fakhruddin bin Radi

Nur Zawani binti Radi

Nur Hanisah binti Radi

Nur Afiqah binti Radi

Serta

Seisi keluarga di atas pengorbanan dan  
iringan doa kalian.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala kesyukuran kehadiran Allah SWT di atas segala limpah kurnia, rahmat dan petunjuk Nya jua yang membolehkan laporan penyelidikan ini berjaya disiapkan.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ikhlas saya rakamkan kepada penyelia tesis:

**ENCIK YUSOF BIN BOON**

di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan tesis ini. Semoga Allah jua yang membalas kebaikan tuan.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada pengetua dan guru-guru sekolah menengah daerah Muar yang terlibat dalam penyelidikan ini atas segala kerjasama dan bantuan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Penghargaan juga diberi kepada isteri, ibu, anak-anak serta rakan-rakan yang memberi bantuan dan sesiapa juga yang telah memberi sumbangan kepada penyelidikan ini secara langsung atau pun secara tidak langsung.

Terima kasih.

## Abstrak

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan secara tinjauan melalui soal selidik ke atas 16 buah sekolah menengah di daerah Muar. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan penyeliaan dan tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah dan melihat adakah penyeliaan yang dijalankan menggunakan pendekatan klinikal. Sebanyak 89 set soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains. Kajian rintis dijalankan menggunakan kaedah Alpha Cranbach bagi menentukan kebolehpercayaan instrument kajian. Data dikumpul secara kuantitatif dan dianalisa menggunakan perisian “Statistical Package For Social Sciences” (SPSS 14.0 for windows). Ujian t dan ujian F (ANOVA sehala) pada aras  $\alpha = 0.05$  digunakan dalam menjawab persoalan. Min, kekerapan dan peratusan juga digunakan dalam menganalisis data. Kajian mendapati tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan adalah positif dan amalan penyeliaan menggunakan pendekatan klinikal yang melibatkan tiga fasa utama ; sebelum, semasa dan selepas penyeliaan di sekolah-sekolah kajian didapati pada tahap tinggi.

### **Abstract**

This descriptive research was conducted through a questionnaire survey on sixteen secondary schools in the Muar district. The focus was to study the practice of supervision and the teachers' perception on classroom supervision and to identify if clinical supervision is used in the supervision. A number of 89 sets of questionnaires were given to science teachers. A pilot study was carried out and Alpha Cronbach method was used to see the reliability of the research instrument. Data were collected using the quantitative approach and the "Statistical Package For Social Sciences" (SPSS 14.0 for windows) programme was used to analyze them. t-test and F-test (one way ANOVA) at  $\alpha = 0.05$  were used to answer the research questions. Mean, frequency and percentage analyses were also used to analyze the data. The findings showed that teachers' perception towards class supervision is positive. The clinical supervision method with three main phases : before, while and after supervision was highly used in the studied schools.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	JUDUL KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Batasan Kajian	6
	1.8 Definisi Kajian	7
	1.8.1 Penyeliaan Pengajaran	7
	1.8.2 Amalan	7
	1.8.3 Pencerapan	8
	1.8.4 Kaedah Pengajaran	8
	1.9 Kerangka Konsep Kajian	8
	1.10 Kesimpulan	9

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>2</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	
2.1	Pendahuluan	10
2.2	Konsep Penyeliaan	11
2.3	Teori Penyeliaan	13
2.4	Halangan-Halangan Dalam Penyeliaan Pengajaran-Pembelajaran	16
	2.4.1 Faktor Guru	20
	2.4.2 Faktor Pelajar	21
	2.4.3 Faktor Kelengkapan Dan Kemudahan	22
2.5	Pendekatan Penyeliaan Pengajaran	22
	2.5.1 Penyeliaan Bersama	23
	2.5.2 Penyeliaan Berbeza	23
	2.5.3 Penyeliaan Pembangunan	23
	2.5.4 Penyeliaan Klinikal	24
2.6	Kajian Lepas	28
	2.6.1 Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah	28
	2.6.2 Tanggapan Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran	32
	2.6.3 Amalan Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah	33
2.7	Kesimpulan	36
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.3	Persampelan	38
3.4	Instrumen Kajian	38
3.5	Kajian Rintis	40
3.6	Prosedur Kajian	40
3.7	Sebaran Dan Pulangan Soal Selidik	41
3.8	Kaedah Analisis Data	43
3.8	Penutup	44
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	45
4.2	Profil Responden	45
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina Dan Kaum	46
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Dan Pengalaman Mengajar	46
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Penyelia Terakhir	47
4.3	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	48
4.3.1	Persoalan Kajian 1 : Apakah Tanggapan Guru-Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Yang Dilaksanakan Di Sekolah?	48
4.3.2	Persoalan Kajian 2 : Apakah Amalan Penyeliaan Pengajaran Yang Dilakukan Oleh Pengetua Atau Wakilnya Mengikut Pendekatan Klinikal?	50



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	4.3.3 Persoalan 3 : Adakah terdapat Perbezaan Pandangan Terhadap Penyeliaan Pengajaran Mengikut Jantina, Pengalaman Mengajar Dan Kaum?	54
	4.4 Penutup	58
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
	5.1 Pendahuluan	59
	5.2 Rumusan	59
	5.3 Perbincangan	61
	5.3.1 Tanggapan Guru-Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Yang Dilaksanakan Di Sekolah	62
	5.3.2 Amalan Penyeliaan Yang Dijalankan Di Sekolah Menengah Di Daerah Muar	65
	5.4 Cadangan	68
	5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	69
	5.6 Penutup	71
	Rujukan	72

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Taburan Item Mengikut Aspek Penyeliaan Klinikal.	40
Jadual 3.2	Sebaran dan Pulangan Soal Selidik Daripada Responden Mengikut Sekolah	42
Jadual 3.3	Analisis Min	43
Jadual 4.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina dan Kaum	46
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Dan Pengalaman Mengajar	47
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Penyelia Terakhir	48
Jadual 4.4	Taburan kekekerapan tanggapan responden terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah.	49
Jadual 4.5	Taburan amalan penyeliaan pengajaran mengikut pendekatan Klinikal (Sebelum penyeliaan)	51
Jadual 4.6	Taburan Amalan Penyeliaan Pengajaran Mengikut Pendekatan Klinikal (Semasa Penyeliaan)	52
Jadual 4.7	Taburan Amalan Penyeliaan Pengajaran Mengikut Pendekatan Klinikal (Selepas Penyeliaan)	53

<b>NO. JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 4.8	Analisis min dan tahap amalan penyeliaan di dalam kelas (sebelum penyeliaan, semasa penyeliaan dan selepas penyeliaan)	54
Jadual 4.9	Analisis Ujian-t Perbandingan Tanggapan Terhadap Penyeliaan Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Berdasarkan Jantina	55
Jadual 4.10	Analisis Skor Min Nan ANOVA Sehal Perbandingan Tanggapan Guru-Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar Terhadap penyeliaan pengajaran	56
Jadual 4.11	Analisis Skor Min Nan ANOVA Sehal Perbandingan Tanggapan Guru-Guru Berdasarkan Bangsa Terhadap Penyeliaan Pengajaran	57
Jadual 4.12	Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehal Perbandingan Amalan Pendekatan Penyeliaan Pengajaran Diantara Penyelia-Penyelia	58

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	: Kerangka Konsep Kajian	9
Rajah 2.1	: Penyeliaan Untuk Sekolah Berkesan	12
Rajah 2.2	: Carta Pusingan Pencerapan Klinikal Menurut Goldhammer, (1980)	26
Rajah 5.1	: Hierarki Organisasi Penyeliaan	64

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3.1987: Penyeliaan Pengajaran-Pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah	79
LAMPIRAN B	Senarai Nama Sekolah Menengah Daerah Muar Mengikut Kawasan Parlimen.	83
LAMPIRAN C	Instrumen Kajian	85
LAMPIRAN D	Kebolehpercayaan Item Soal Selidik (Kajian Rintis) - Scale (Alpha)	89
LAMPIRAN E	Instrumen Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran	91
LAMPIRAN F	Kad Rekaod Pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran Guru	92
LAMPIRAN G	Jadual Kekerapan Item	94 - 106
LAMPIRAN H	Ujian T-Test	107- 111
LAMPIRAN I	Ujian ANOVA Sehalu	112 -126
	Surat Kebenaran EPRD Kementerian Pelajaran Malaysia	127
	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Johor	
	Surat Kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah Muar	

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Sejarah perkembangan penyeliaan di Malaysia bermula hasil Laporan Pelajaran Tinggi di Malaya (1939), Laporan Bornes (1951) dan Laporan Razak (1956) yang menyarankan penubuhan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan yang berfungsi sebagai satu badan profesional yang bebas, bertanggungjawab memeriksa sekolah-sekolah dan menyelia pengajaran diseluruh negara (Mok Soon Seng, 2006). Maka sekitar 1950an dan awal 1960an, penyeliaan berfungsi sebagai pendekatan untuk memeriksa sekolah, memerhati aktiviti-aktiviti di sekolah dan pembelajaran (seksyen 96a Akta Pelajaran 1961). Secara ringkasnya penyeliaan ialah pemeriksaan dan penyelia adalah pemeriksa.

Perkembangan dan perubahan dalam dunia pendidikan sangat dinamik sehingga pihak kementerian pelajaran telah menyediakan satu Plan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang bermatlamatkan pendidikan berkualiti untuk semua. Untuk mencapai matlamat tersebut Kementerian Pelajaran telah menyarankan bahawa semua sekolah perlu menjadi sekolah berkesan. Menurut Mortimore (1995), sekolah berkesan dimaksudkan sebagai sekolah di mana murid-muridnya mencapai keputusan yang menyamai atau melampaui jangkauan. Antara ciri-ciri yang perlu ada pada sekolah berkesan menurut Mortimore (1995) ialah penumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran dan pemantauan kemajuan sekolah.

Selari dengan pandangan Mortimore (1995), Penyeliaan pengajaran dilihat sebagai salah satu usaha penting dalam memantau keberkesanan pengajaran di

sesebuah sekolah. Ini bertujuan memastikan guru-guru dapat memperkembangkan potensi diri dan mengatasi sebarang kekurangan sekiranya ada. Penyeliaan Pengajaran juga dilihat sebagai satu usaha mendorong, menyelaraskan dan membimbing guru-guru dalam hal pengajaran supaya mereka terus mampu berfungsi sejajar dengan perkembangan semasa. Kenyataan ini disokong oleh Boardman, Douglas dan Bent (1953) dalam Ramaiah (1995) menyatakan bahawa penyeliaan sebagai satu usaha untuk mendorong dan membimbing guru dalam hal pengajaran supaya guru-guru lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran. Penyeliaan juga bertujuan meningkatkan kebolehan guru-guru dalam mendorong dan membimbing perkembangan berterusan pelajar ke arah penyertaan cergas lagi efektif.

Pemantauan dan penyeliaan yang sistematik adalah merupakan salah satu ciri penting yang perlu ada di sekolah berkesan. Pemantauan dan penyeliaan ini adalah untuk memastikan “*core business*”, pengajaran dan pembelajaran berjalan sebagaimana yang dirancang. Menurut Conrath N. (1983), tujuan pemantauan atau penyeliaan adalah untuk memperbaiki lagi mutu pengajaran. Untuk melaksanakan aktiviti ini dengan berkesan, pengetua atau penyelia seharusnya menguasai pengetahuan dan kemahiran teknikal khusus dalam bidang kurikulum pengajaran, pengesanan dan penilaian serta juga hubungan manusia. Kecekapan Pengetua dalam melakukan penyeliaan atau pemantauan membolehkannya membuat diagnosis masalah pendidikan, membantu guru untuk memajukan kecekapan dan amalan mereka dalam melaksanakan pengajaran (Glickman, 1985).

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987, Kementerian Pelajaran telah menegaskan bahawa selain sebagai pemimpin profesionalisme, pengurus dan pentadbir, Pengetua atau Guru Besar bertanggungjawab memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolahnya. Dengan kata lain pengetua atau guru besar bertanggungjawab memastikan proses dimana guru mengajar dan murid belajar terus berjalan di sekolahnya tanpa gangguan. Bagi memastikan matlamat ini terlaksana maka pengetua atau guru besar disarankan menjadikan penyeliaan pengajaran-pembelajaran terhadap guru menjadi perkara utama dalam senarai tugas dan tanggungjawabnya. Penyeliaan yang dijalankan seharusnya dapat mewujudkan

suasana yang sihat dan berkesan. Sehubungan dengan itu Kementerian Pelajaran telah mewujudkan garis panduan bagi melaksanakan tugas penyeliaan dalam kelas. Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah difokus kepada dua bidang iaitu bidang organisasi dan bidang pengajaran dan pembelajaran. Ciri-ciri organisasi yang perlu diberi perhatian ialah iklim kelas – organisasi kelas, kawalan murid, komunikasi, motivasi, sikap murid, kebersihan dan perhiasan, penyeliaan pekerja, penilaian prestasi, profil murid dan panitia matapelajaran. Manakala bidang pengajaran dan pembelajaran meliputi rancangan pengajaran - objektif, isi kandungan, persediaan alat atau bahan pengajaran dan penggunaannya, penyampaian isi pelajaran, teknik bersoal jawab, interaksi guru murid dan penggunaan masa.

Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987 juga dinyatakan bahawa penyeliaan pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan:

- i. Penyeliaan pengajaran pembelajaran di kelas dijalankan oleh Pengetua ke atas semua guru.
- ii. Rekod penyeliaan pengajaran pembelajaran di kelas hendaklah dicatat dengan ringkas dan tepat.
- iii. Penyeliaan pengajaran pembelajaran hendaklah dirancang dengan seimbang dari segi masa, mata pelajaran, tingkatan / tahun dan guru.
- iv. Tugas penyeliaan boleh dijalankan dengan bantuan Penolong Kanan dan Penyelia Petang.
- v. Penyeliaan pengajaran pembelajaran di kelas perlu dijalankan secara sistematik dan berlandaskan hubungan profesionalisme dengan guru-guru dan bukan untuk mencari kesalahan guru. Dalam usaha mempertingkatkan prestasi pengajaran pembelajaran di kelas, Pengetua perlu mendapat maklumat yang tertentu. Maklumat-maklumat itu dapat digunakan oleh pengetua sebagai asas perbincangan dengan guru-guru. (Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pelajaran Bil. 3/1987 : LAMPIRAN A)

Hasil kajian Nazaruddin dan rakan-rakan (1992), mendapati guru-guru menjangkakan penyelia dapat membantu mereka untuk mengajar dengan lebih berkesan serta melicinkan tugas-tugas pengajaran. Jangkaan guru ini hanya akan dicapai jika Pengetua atau penyelia mempunyai kepimpinan pengajaran yang tinggi



dan memiliki pengetahuan serta kemahiran yang lebih baik daripada guru yang diselia.

Lazimnya, kecemerlangan dunia pendidikan dinilai berdasarkan prestasi pelajar dalam peperiksaan awam. Sekolah yang berjaya menunjukkan prestasi yang tinggi akan merasa bangga dan puas tetapi sebaliknya bagi sekolah yang merosot prestasinya terpaksa menghadapi kritikan dan soalan daripada pelbagai pihak. Keghairah mencapai prestasi akademik yang tinggi telah mendorong kita hanya menumpukan usaha berkaitan diri pelajar sahaja. Sebaliknya kita kurang memberi perhatian terhadap proses atau prosedur yang membawa kepada pengajaran yang lebih berkesan. Justeru bagi memastikan guru benar-benar dapat menjalankan tugas pengajaran dan murid belajar secara lebih berkesan, satu bentuk penyeliaan pengajaran yang lebih bersifat bantuan atau bimbingan yang diperolehi guru daripada penyeliaan pengajaran pembelajaran ialah:

- i. Membantu guru memahami matlamat akhir pendidikan dan juga peranan yang dimainkan oleh sekolah ke arah pencapaian yang hendak dicapai.
- ii. Membantu guru menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.
- iii. Menyediakan kepimpinan yang berkesan.
- iv. Membina semangat berpasukan dalam kalangan guru.
- v. Mmembantu menentukan kesesuaian pengajaran guru termasuk membantu guru memperolehi kecekapan dan keupayaan dalam pengajaran.
- vi. Membimbing guru baru dalam profesion dan tugas mereka di sekolah.
- vii. Menilai pengajaran guru.
- viii. Membantu guru mencari punca kesulitan dan seterusnya mengatasinya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Sistem penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan sekarang menimbulkan perasaan cemas dan resah dalam kalangan guru-guru. Penyeliaan oleh pengetua dan wakil yang diberi kuasa menurut Hashim (2000) hanya kadang-kadang menyelia pengajaran di dalam kelas dan menyemak buku rekod persediaan mengajar sahaja. Aspek meningkatkan profesionalisme guru kurang diberi penekanan. Menurut Ramaiah (1999), guru-guru dikatakan berasa ragu-ragu terhadap kebolehan, kemahiran dan kepakaran penyelia untuk melakukan penyeliaan tambahan pula

persepsi guru yang penyeliaan adalah satu penilaian terhadap prestasi kerja guru. Manakala pentadbir sekolah menganggap penyeliaan satu perkara rutin sahaja.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Terdapat perbezaan tanggapan antara guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran dan penyelia di dalam kelas. Perbezaan ini melibatkan kaedah dan proses penyeliaan yang digunakan oleh penyelia dan sejauh manakah amalan penyeliaan yang diamalkan memberi kesan terhadap profesionalisme guru-guru.

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini diharap akan dapat mencapai objektif berikut:

- i. Menenalpasti tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran dan penyelia di dalam kelas.
- ii. Menenalpasti amalan penyeliaan yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah di daerah Muar.
- iii. Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan pendapat tentang amalan penyeliaan mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kaum.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di atas, maka persoalan kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Apakah tanggapan guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah?
- ii. Adakah amalan penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh Pengetua dan wakilnya mengikut pendekatan klinikal?
- iii. Adakah terdapat perbezaan pandangan terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan jantina, pengalaman mengajar dan kaum.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah dalam memberikan maklumat untuk merancang dan merangka kursus atau latihan yang berkaitan dengan aspek penyeliaan di kalangan pengetua atau guru besar, Penolong Kanan atau mereka yang diberi amanah untuk melaksanakan penyeliaan pengajaran di sekolah. Melalui pendekatan ini mereka yang terlibat akan dapat dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi yang sepatutnya dimiliki. Maklumat ini juga diharap dapat membantu pengetua atau penyelia memahami makna dan fungsi penyeliaan yang sebenar dan membantu mereka dalam merancang dan melaksanakan proses penyeliaan pengajaran yang lebih sistematik. Seterusnya dapatan kajian ini berupaya membekalkan maklumat-maklumat penting:

- i. Mengambarkan situasi sebenar penyeliaan pengajaran yang sedang dijalankan di sekolah.
- ii. Keberkesanan pelaksanaan penyeliaan klinikal dalam mempertingkatkan tahap profesionalisme guru.
- iii. Membantu guru-guru memahami tujuan dan proses penyeliaan pengajaran yang dipertanggungjawabkan kepada pengetua.
- iv. Menyedarkan guru-guru bahawa penyeliaan pengajaran yang sistematik dapat membantu meningkatkan profesionalisme mereka.

Kajian ini boleh dijadikan sumber maklumat kepada pengetua tentang tugas dan peranan yang perlu dimainkan oleh Guru Penolong Kanan, Guru Kanan Mata Pelajaran dan mereka yang diberi amanah sebagai penyelia. Kajian ini juga menjadi maklumat tambahan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang berkaitan amalan penyeliaan pengajaran yang boleh memperkembang profesionalisme guru-guru.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang meninjau amalan penyeliaan pengajaran dalam kalangan guru-guru yang mengajar matapelajaran Sains di daerah

Muar. Sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru Sains yang pernah diselia oleh Pengetua atau wakil-wakil Pengetua. Justeru dapatan kajian ini tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh tentang amalan penyeliaan bagi semua matapelajaran di semua sekolah daerah Muar.

Pemilihan sekolah kajian berdasarkan kawasan parlimen. Kajian ini dijalankan di 16 buah sekolah. Responden yang dipilih ialah guru-guru yang mengajar matapelajaran Sains. Jumlah responden dianggarkan seramai 89 orang.

## **1.8 Definisi Kajian**

### **1.8.1 Penyeliaan pengajaran**

Istilah ini merujuk kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak tertentu bagi membantu, membimbing dan memandu seseorang guru menjalankan tugas mengajar dengan lebih berkesan sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Penyeliaan pengajaran juga membawa maksud yang positif iaitu satu usaha membantu guru meningkatkan prestasi pengajaran mereka dan bukan mencari kesalahan semata-mata.

### **1.8.2 Amalan**

Mengikut kamus dewan, amalan ialah sesuatu yang dilakukan atau dilaksanakan sebagai satu kebiasaan. Dalam konteks kajian ini, amalan bermaksud aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pencerapan seperti prosedur pencerapan; bagaimana pencerapan dijalankan; aktiviti yang berlaku sebelum, semasa dan selepas pencerapan; kekerapan pencerapan dan siapa yang melakukan tugas pencerapan.

### **1.8.3 Pencerapan**


Pencerapan mengikut Kamus Dewan bermaksud perbuatan (proses) mencerap sesuatu fenomena. Menurut Glickman, C (1998), pencerapan adalah membuat pemerhatian dan seterusnya membuat penghakiman. Oleh itu pencerapan adalah tugas dan peranan khusus berkaitan dengan pengajaran yang dilaksanakan oleh seseorang penyelia. Tugasnya adalah membuat pemerhatian pengajaran guru di dalam kelas seterusnya membimbing dan menunjuk ajar guru dalam aspek-aspek pengajaran-pembelajaran seperti strategi, pendekatan kaedah dan teknik pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar, kawalan bilik darjah dan pentadbiran kelas.

### **1.8.4 Kaedah pengajaran**

Kaedah pengajaran adalah merujuk kepada teknik-teknik atau kaedah yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengajarannya. Kaedah-kaedah ini yang dimaksudkan boleh dalam bentuk ceramah, kuliah, main peranan, kajian kes, simulasi, lakonan, bercerita, tunjuk cara, demonstrasi, inkuiri penemuan, sumbang saran, kajian masa depan, amali, konstektual dan pembelajaran masteri.

## **1.9 Kerangka Konsep Kajian**

Kajian ini meninjau amalan penyeliaan pengajaran secara umum dan tanggapan guru-guru terhadap proses penyeliaan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di daerah Muar. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang dijalankan. Kerangka konsep ini menunjukkan tanggapan guru-guru terhadap pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan amalan penyeliaan menggunakan pendekatan klinikal. Pelaksanaan penyeliaan dan amalan pendekatan yang digunakan akan meningkatkan kualiti pengajaran dan meningkatkan profesionalisme guru-guru.



**Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian**

### 1.10 Kesimpulan

Tanggungjawab utama pengetua sebagai pengurus kurikulum adalah menjamin proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan berkesan. Pelbagai kaedah dan pendekatan yang sistematik digunakan untuk mencapai matlamat tersebut. Daripada menyemak buku rekod mengajar, buku latih murid hinggalah kepada penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pelaksanaan proses penyeliaan ini telah ditegaskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987. Walaupun pelbagai pendekatan atau model penyeliaan bebas digunakan oleh Pengetua, namun jika dilihat kepada objektif penyeliaan yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagaimana yang disebut dalam kerangka kajian, maka pendekatan klinikal dilihat paling relevan.